

## Rusa Bintik untuk pelancongan pendidikan



Daing Nasir ketika gimik penyerahan sepasang rusa Axis-Axis daripada Muhammad Anas.

**KUANTAN - Universiti Malaysia Pahang (UMP)** menerima dua ekor Rusa Bintik atau nama saintifiknya Axis-Axis dalam menggerakkan usaha menjadikan universiti itu sebagai pusat pelancongan pendidikan (Edu-Tour) sekaligus meningkatkan daya tarikan pengunjung ke kawasan Kuala Pahang.

Naib Canselor UMP, Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim berkata, pihaknya menghargai sumbangan rusa itu selaras usaha UMP dalam inisiatif penghijauan kampus dan cintakan alam sekitar di bawah Inisiatif UMP Green.

"Menerusi program ini dapat mewujudkan peluang penajaan pendapatan bagi universiti pada masa akan datang.

"Saya berharap kehadiran rusa ini akan menjadikan salah satu tarikan kepada pengunjung ke Kuala Pahang dan kampus UMP," katanya pada Majlis Penyerahan Rusa di UMP, semalam.

Pada majlis itu, Pengarah Urusan Medal Lions Creative, Muhammad Anas Aziz yang merupakan perunding yang dilantik Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) menyerahkan

dua ekor Rusa kepada Daing Nasir.

Hadir sama Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Prof. Datuk Dr. Rosli Mohd Yunus, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Prof. Datuk Dr. Yuserrie Zainuddin, Penolong Naib Canselor (Jabatan Hal Ehwal Korporat & Kualiti), Prof. Datuk Dr. Ishak Ismail dan Pendaftar UMP, Abd Hamid Majid.

Daing Nasir berkata, kedua-dua rusa itu dikenali dengan nama Pekan dan Chini berdasarkan nama daerah yang terdapat di negeri Pahang, apatah lagi lokasinya berada di Pekan.

Sementara itu, Muhammad Anas berkata, projek tersebut merupakan salah satu daripada 30 komponen Strategi Pemantapan Serambi-Bandar Pekan-Kuala Pahang.

"Inisiatif ini merupakan kerjasama di antara ECER, UMP dan pihaknya bagi membantu meningkatkan daya tarikan pengunjung ke kawasan Kuala Pahang selari dengan pembangunan Medan Ikan Bakar (MIB) yang terletak di kawasan Kuala Pahang," katanya.